



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (1) dlm KKM-87 (P20/S03) Btg. 5

Tarikh: 14.10.2002

Pengarah Kesihatan Negeri _____

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur.

Y Bhg, Dato' / Datin / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 10/2002

PANDUAN TATACARA PENGENDALIAN FILEM X-RAY DI HOSPITAL-HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk mencadangkan cara pengendalian filem X-Ray di Hospital-hospital dan Klinik-klinik Kesihatan khususnya cara pemberian filem X-Ray kepada pesakit supaya ia dapat diselaraskan di semua premis rawatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Pada masa ini semua hospital dan klinik kesihatan KKM memberi perkhidmatan asas seperti X-Ray dada dan tulang.
- 2.2. Filem X-Ray ialah hak Pejabat Rekod dan tidak boleh diserahkan kepada pesakit, mengikut surat Bil (49) dlm KKM 203/18/01/Jld 12 bertarikh 19 Julai 1996. Bagi seorang pesakit dalam atau pesakit luar, beliau boleh memohon kepada pegawai perubatan yang merawat / menjaga pesakit berkenaan dan hanya laporan X-Ray tersebut akan diberikan.

3. CADANGAN MENGATASI MASALAH

Cadangan memberikan filem X-Ray kepada pesakit yang dirujuk ke hospital lain ataupun ingin mendapat rawatan di hospital lain termasuk Hospital Swasta akan mengelakkan pemeriksaan X-Ray ulangan dijalankan ke atas pesakit

4. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

5. PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab di atas edaran panduan tatacara pengendalian filem x-ray ke semua hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan KKM dan bertanggungjawab memantau pelaksanaan panduan tatacara tersebut.

6. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat pertanyaan, sila merujuk kepada Kementerian di alamat berikut:

Pengarah Perkembangan Perubatan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMATA UNTUK NEGARA “

Yang Ikhlas,


(**TAN SRI DATU DR. HAJI MOHAMAD TAHA BIN ARIF**)
Ketua Pengarah Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Penagarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Setiausaha
Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jabatan Kesihatan Wialyah Persekutuan
Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur.

**GARISPANDUAN TATACARA PENGENDALIAN FILEM X-RAY
DI HOSPITAL-HOSPITAL DAN KLINIK-KLINIK KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk memaklumkan mengenai cadangan pengendalian filem X-ray di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan khususnya cara pemberian filem X-ray kepada pesakit supaya ia dapat diselaraskan di semua premis rawatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Pada masa ini semua hospital dan sebahagian dari klinik kesihatan KKM mempunyai Jabatan atau Unit Pengimejan Diagnostik yang sekurang-kurangnya memberi perkhidmatan asas seperti X-Ray dada dan tulang.
- 2.2. Mengikut surat Bil (49) dlm KKM.203/18/01/Jld 12 bertarikh 19 Julai 1996, filem X-Ray tidak diserahkan kepada pesakit kerana ia adalah hak Pejabat Rekod hospital sama seperti nota pesakit (Sila lihat Lampiran A)
- 2.3. Setakat ini filem X-Ray hanya diserahkan kepada pesakit yang datang membuat pemeriksaan perubatan sahaja.
- 2.4. Bagi pesakit yang dimasukkan ke wad atau pun dirawat sebagai pesakit luar pula, mereka tidak akan diberikan filem X-Ray tersebut melainkan pesakit sendiri memohon kepada pegawai perubatan yang merawat/menjaga pesakit. Ini juga terpulang kepada budi bicara pegawai perubatan yang terlibat dan kebanyakan pegawai perubatan akan memberi ringkasan laporan X-Ray kepada pesakit jika perlu.
- 2.5. Bagi kes-kes medico-legal, pihak berkenaan biasanya memohon dengan surat melalui saluran tertentu untuk mendapatkan laporan perubatan yang meliputi laporan X-Ray.
- 2.6. Dari segi caj perkhidmatan X-Ray, hanya satu bayaran sahaja akan dikenakan bagi pesakit yang memohon untuk mendapatkan filem X-Ray, iaitu ketika pesakit dirawat di hospital atau di jabatan pesakit luar.

3. ISI-ISU BERKAITAN

Beberapa isu telah dikemukakan yang perlu diambil perhatian.

- 3.1. Persatuan Hospital Swasta Malaysia (Association of Private Hospitals of Malaysia – APHM) telah mengemukakan masalah di mana sebahagian hospital KKM tidak bersetuju melepaskan filem X-Ray kepada pesakit – pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di hospital swasta.

- 3.2. Oleh itu, pesakit-pesakit tersebut terpaksa mengulangi pemeriksaan X-Ray dan menghadapi pemancaran sinaran kali kedua di hospital swasta. Di samping itu, pesakit juga terpaksa menanggung kos perbelanjaan tambahan.
- 3.3. Rasa tidak puashati di kalangan pesakit terhadap segelintir pegawai perubatan yang enggan memberi filem X-Ray apabila memohon.

4. CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH INI

Cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut :

- 4.1. Jika pesakit dirujuk ke hospital lain sama ada hospital kerajaan ataupun hospital swasta untuk rawatan lanjutan, filem X-ray perlu/ akan dibawa bersama pesakit ke hospital berkenaan, Sekiranya pesakit ini dihantar balik ke hospital asal yang membuat rujukan maka filem X-ray perlu dikembalikan ke hospital itu.
- 4.2. Jika pesakit dari hospital kerajaan ingin mendapatkan rawatan di hospital swasta, ataupun mengambil *At Own Risk (AOR)* discaj, filem X-ray boleh diberikan kepada pesakit jika pegawai perubatan yang memberi rawatan kepada pesakit berkenaan membuat permintaan. Jika pesakit ini dihantar kembali ke hospital kerajaan untuk rawatan susulan, filem X-ray perlu dikembalikan ke hospital itu.

5. FAEDAH-FAEDAH CADANGAN

- 5.1. Mewujudkan kerjasama di antara pihak kerajaan dan pihak swasta
- 5.2. Meningkatkan imej hospital kerajaan di kalangan orang awam.
- 5.3. Meningkatkan rasa puas hati bagi pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan
- 5.4. Mengelakkan pemeriksaan x-ray ulangan dan ini akan menyelamatkan pesakit daripada mendapat dedahan dos radiasi yang berlebihan. Di samping itu pesakit dapat mengurangkan kos perbelanjaan penyelidikan.

6. PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab di atas edaran panduan pengendalian filem X-Ray ke semua hospital-hospital dan klinik-klinik serta bertanggungjawab memantau pelaksanaan panduan tatacara ini.

LAMPIRAN A

Surat rujukkan kami (49) dlm. KKM / 203 / 18 / 01 / Jld.12 bertarikh 19 Julai 1996

Penjelasan Mengenai Caj Perkhidmatan X-Ray.

Filem X-Ray hanya diserahkan kepada pesakit yang datang membuat pemeriksaan perubatan sahaja. Bagi pesakit yang masuk wad atau pun dirawat sebagai pesakit luar pula, mereka tidak diserahkan filem X-Ray tersebut. Mereka akan memohon kepada Pegawai Perubatan yang menjaga pesakit berkenaan di hospital. Hanya laporan X-Ray tersebut akan diberikan. Filem X-Ray tidak akan diserahkan kerana ia adalah hak pejabat rekod hospital. Oleh itu caj bagi filem X-Ray untuk mendapatkan pendapat dari pengamal swasta tidak timbul. Bagi kes-kes medico-legal, pihak peguam akan memohon dengan surat melalui saluran tertentu untuk mendapatkan laporan.